

**Serah operasi
feri kepada
KN** MS 3



**Dialog vape, sesi
perbincangan
bersama** MS 6



Mutiara • buletin

PERCUMA



Cekap

Akauntabel

Telus

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

16 – 31 JANUARI, 2016

Jimat air hadapi *Super El Nino*

GEORGE TOWN – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengeluarkan status amaran baru-baru ini (13 Januari), serta menggesa rakyat supaya cermat menggunakan air sepanjang tempoh fenomena *Super El Nino* di negeri ini, dijangka sehingga hujung bulan Mac depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa bagaimanapun berkata, Pulau Pinang dijangka mampu mengelak langkah catuan air jika keadaan kemarau pada kali ini adalah sama dengan fenomena yang pernah melanda negara pada tahun 2014.

"Empangan di negeri ini, kita (PBAPP) reka bentuk untuk menadah air selama 100 hari, jadi, sampai bulan April nanti kita (Pulau Pinang) boleh bertahan.

"Selalunya, hujan akan kembali turun pada hujung bulan Mac ini," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Sehingga 13 Januari 2016, Jaseni menjelaskan bahawa kapasiti air di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang berada dalam keadaan 'sihat', dengan masing-masing pada tahap 87.6 peratus dan 83.2 peratus.

"Empangan Mengkuang pula masih dalam proses pemajuan," jelasnya.

Beliau memberitahu, paras air di Sungai Muda yang direkodkan setinggi 2.53 meter pada 13 Januari 2016 membolehkan proses menimba air ke Empangan Mengkuang seperti biasa.

Difahamkan, fenomena *Super El Nino* boleh mengakibatkan suhu melambung setinggi 40 darjah Celcius, sekarang.

Manakala, insiden terakhir hujan pada 29



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil PBAPP meninjau tahap air di Empangan Teluk Bahang di sini tahun lalu.

Disember tahun lalu mencatatkan taburan 31.0 milimeter air di Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang (38 milimeter) dan Empangan Mengkuang (17 milimeter).

"Dua tahun lalu, semasa musim kemarau panjang pada bulan Januari, Februari dan Mac 2014 melanda negeri ini, jumlah taburan hujan hanya 83.0 milimeter di Empangan Air Itam,

70.0 milimeter di Empangan Teluk Bahang dan 115.0 meter di Empangan Mengkuang," jelas Jaseni.

(Tips-tips jimat air di muka surat 28)

Nasrudin tarik semula artikel, bersetuju bayar RM10,000

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Ketua Penerangan Pas yang juga Ahli Parlimen Temerloh, Nasrudin Hassan at-Tantawi memberitahu Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 18 Januari lalu bahawa beliau 'kesal' membuat kenyataan tidak berasas dalam akaun Facebooknya terhadap Ketua Menteri, Y.A.B.

Tuan Lim Guan Eng.

Nasrudin memberitahu Pesuruhjaya Kehakiman Tuan Lim Chong Fong bahawa beliau 'kesal' memuatnaik artikel di akaun Facebooknya pada 6 Ogos 2014 yang bertajuk, "Apa beza Kidex dan Terowong Pulau Pinang".

"Setelah meneliti dokumen yang dikemukakan di mahkamah, saya kesal kerana artikel saya telah mencetus salah faham dan tidak

mempunyai asas ke atas Ketua Menteri.

"(Oleh itu) kedua-dua pihak bersedia untuk tidak memanjangkan kes ini dan saya akan menarik balik artikel yang dibuat pada 6 Ogos 2014 yang tidak mempunyai asas terhadap Ketua Menteri," kata Nasrudin di hadapan hakim di sini pada 18 Januari lalu.

Chong Fong kemudian memerintahkan kes itu ditarik

balik dan mengarahkan defendan (Nasrudin) untuk membayar RM10,000 sebagai kos kepada plaintif (Guan Eng).

Nasrudin diwakili oleh Wan Rohimi Wan Daud manakala Guan Eng, Datuk N. Mureli.

Terdahulu, Guan Eng mengemukakan tindakan saman ke atas Nasrudin kerana mengeluarkan kenyataan fitnah terhadap beliau berhubung terowong dasar laut

melalui akaun Facebook yang bertajuk, "Apa beza Kidex dan Terowong Pulau Pinang".

Sementara itu, dalam sidang media sejurus selepas prosiding, Guan Eng memberitahu pemberita bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), bersih dan mengamalkan sistem tender terbuka sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada 2008.

Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan 2016.

Ahli Majlis perlu jadi wakil & perantara masyarakat, pesan KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Ahli Majlis - Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) disarankan agar tidak 'bersembunyi' dalam melaksanakan tanggungjawab digalas terutama dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan ucapan di Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis MBPP berkata, selain disiplin yang tinggi, ahli majlis juga perlu bersikap profesional dalam mendepani karenah masyarakat terutamanya pembayar-pembayar cukai di Pulau Pinang.

"Peranan yang dimainkan oleh Ahli Majlis adalah amat luas dan bukan hanya sebagai 'mata' dan 'telinga' MBPP, tetapi juga Kerajaan Negeri secara keseluruhannya.

"Selain mewakili masyarakat, Ahli Majlis juga menjadi perantara antara masyarakat dengan kerajaan, di samping mempertahankan dasar-dasar yang telah dipersetujui oleh MBPP dan Kerajaan Negeri," ucapnya di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua

Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, barisan Exco Kerajaan Negeri, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud yang mewakili Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif serta ketua-ketua jabatan MBPP.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika ditemui berharap agar semua Ahli Majlis yang dilantik dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan tahun 2016 sebagai *Year of Transformative Change*.

"Saya berharap mereka (Ahli Majlis) dapat melaksanakan tugas dengan cemerlang berlandaskan dua teras utama iaitu penyampaian dan prestasi atau ringkasnya DAP, *Delivery and Performance*," ujar beliau.

Sementara itu, muka baru, Saiful Azwan Abdul Malek menzahirkan rasa syukur dan terima kasih atas kepercayaan kepimpinan parti diwakili kepadanya.

"Saya berharap dengan lantikan ini, saya dapat mendekati masyarakat dan memahami masalah yang dihadapi mereka terutama (masyarakat) di



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Grace Teoh Koon Gee sambil diperhatikan Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) dan D. Kala (kanan sekali) serta barisan Ahli Majlis MBPP lain.

luar bandar, sama ada dari segi sosio ekonomi mahupun peningkatan taraf hidup sejajar dengan harapan Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri berjiwa



SAIFUL Azwan Abdul Malek (kanan sekali) mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis MBPP pada Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Ahli-ahli Majlis MBPP di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

rakyat," katanya yang pernah menjadi Pegawai Seranta kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Bagi Grace Teoh Koon Gee dan D. Kala yang juga lantikan baru, masing-masing bertekad untuk memberi perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan rakyat Pulau Pinang.

"Pastinya rasa bersemangat untuk memulakan tugas dan berkhidmat kepada komuniti," kata Koon Gee yang turut dipersetujui Kala.

Bagi Syerleena Abdul Rashid, beliau bersyukur setelah dilantik sebagai Ahli Majlis buat penggal kedua tahun ini.

"Sekali lagi, saya diberi peluang untuk berkhidmat kepada masyarakat dan seperti yang telah disebutkan oleh Ketua Menteri, tahun 2016 merupakan tahun bertransformasi dan saya pasti, pihak MBPP serta rakan-rakan sejawat yang lain akan melaksanakan tanggungjawab dengan efisien

selaras dengan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus)," jelasnya ketika ditemui Buletin Mutiara selepas upacara angkat sumpah terima jawatan berkaitan.

Nada sama turut dikongsi oleh A. Kumaresan yang dilantik semula sebagai Ahli Majlis MBPP bagi dua penggal berturut-turut.

"Bagi lantikan kali ini, saya berhasrat untuk mengadakan beberapa siri dialog dan sesi penerangan melibatkan isu-isu setempat sama ada penambahbaikan kemudahan mahupun dasar-dasar Kerajaan Tempatan," ujarnya.

Seramai 24 Ahli Majlis MBPP termasuk tujuh lantikan baru mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Amanah Rakyat (AMANAH) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengangkat sumpah menerima jawatan di hadapan Ketua Menteri mengikut peruntukan di bawah Seksyen 11, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di sini baru-baru ini.

MPSP catat surplus hasil tadbir urus OBB

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Selepas tujuh tahun mengalami defisit sebanyak RM230 juta sebelum 2008, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mencatatkan lebihan kewangan sebanyak RM4.15 juta pada tahun 2012, RM2.74 juta (2013) dan RM0.17 juta (2014).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tadbir urus berdasarkan '*Outcome-Based Budgeting*' atau Belanjawan Berasaskan Hasil (OBB) dalam tadbir urus kewangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan diharapkan mampu mengekalkan rekod surplus tersebut.

"Daripada membina tiang bendera paling tinggi di dunia dengan RM1 juta, lebih baik membelanjakan peruntukan itu untuk membina jalan raya.

"Yang dimaksudkan dengan '*Outcome-Based Budgeting*' di sini adalah membelanjakan dana pada suatu projek yang lebih memberi impak kepada rakyat," ucapnya pada Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP 2016 di sini baru-baru ini.

Majlis yang dilangsungkan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini turut disertai Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P.

Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP).

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri menyertai majlis tersebut.

Mengulas mengenai OBB, Guan Eng memberitahu bahawa MPSP sanggup mengambil alih 100 peratus pengurusan pembersihan sisa pepejal pada tahun 2015 sungguhpun terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi, kerana langkah itu akan memberi peluang kerja awam kontrak kepada warganegara sahaja.

"Berbanding tahun 2011, memang kita terpaksa menanggung kos lebih 50 peratus apabila mengambil alih 100 peratus pengurusan sisa pepejal, tetapi itu lebih memberi impak kerana semua pekerja am kontrak adalah warganegara, bukan lagi buruh asing.



BARISAN Ahli-ahli Majlis MPSP baru menunjukkan tanda kesepakatan selepas selesai Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP 2016 di sini baru-baru ini.

"Inilah yang dimaksudkan dengan '*Outcome-Based Budgeting*' iaitu perbelanjaan yang kita (MPSP) buat turut memberi manfaat kepada warganegara, bukan lagi pekerja-pekerja asing daripada syarikat swasta yang dilantik oleh MPSP," jelasnya.

Direkodkan, kos pembersihan 2011 termasuk dengan pengambilan buruh asing secara kontrak keseluruhannya sebanyak RM48,668,435.

Selepas MPSP mengambil alih pengurusan sisa pepejal dengan 100 peratus pekerja am kontrak bertaaruf warganegara, kos meningkat sebanyak 54.5 peratus atau kira-kira RM26,546,363 menjadi keseluruhannya berjumlah RM75,214,797.

Sebelum itu Maimunah mendedahkan bahawa Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bagi projek pembangunan hartanah



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah) beramah-mesra dengan Ahli-ahli Majlis MPSP yang baru dilantik.

diluluskan MPSP pada tahun 2012 adalah berjumlah RM2,512,956,400, diikuti RM1,669,385,182 (2013) dan RM483,880,000 (2014).

"Bagi tempoh Januari hingga November 2015 pula, GDV 2 yang dihasilkan berjumlah RM826,300,000," ujarnya.

Di bawah Kerajaan Negeri era Barisan Nasional sebelum tahun 2008 dahulu, MPSP mencatatkan defisit selama tujuh tahun berturut-turut, kira-kira RM230 juta.

Sementara itu, Dr. Amar Pritpal Abdullah, 57, yang baru dilantik menjadi ahli majlis semasa ditemui kemudian memberitahu bahawa beliau akan memberi fokus terhadap '9 Fokus MPSP 2016'.

"Fokus saya, kebersihan dan mengadakan aktiviti rakyat, termasuk menyediakan kemudahan sukan," jelasnya yang juga merupakan doktor perubatan di sebuah klinik swasta di

Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (SPS).

Seorang lagi ahli majlis baharu dilantik, Ong Jing Cheng, 32, memberitahu bahawa beliau akan bekerjasama dengan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) serta Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dalam memperkuasakan upaya komuniti.

"Saya akan meneruskan projek-projek yang telahpun dijalankan oleh Kerajaan Negeri seperti Bajet Responsif Gender (GRB) di Flat Ampang Jajar umpamanya.

"Di sini, saya akan teruskan agenda memperkuasakan rakyat dalam menentukan keutamaan belanjawan peringkat PBT seperti sebelum ini," katanya yang juga bekas pemimpin mahasiswa.

Pusat 'gagal' urus feri, masa serahkan kepada Kerajaan Negeri - KM

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang kesal dengan mutu perkhidmatan feri di negeri ini sambil menyifatkannya amat kurang memuaskan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, feri merupakan mod pengangkutan alternatif terpenting yang menghubungkan bahagian pulau dan Seberang Perai selepas Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Malah, jelas beliau, terdapat beberapa pandangan berhubung kegagalan Kerajaan Pusat dalam mentadbir urus perkhidmatan feri dengan profesional.

"Maka, masa sudah sampai untuk mereka (Penang Port Sdn. Bhd., PPSB) serahkan (pengoperasian) kepada Kerajaan Negeri," katanya pada sidang media di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Guan Eng dalam pada itu, turut memberitahu bahawa Kerajaan

Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus telah mengulangi tawaran untuk mengambil alih pengurusan dan operasi perkhidmatan feri menerusi surat kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan bertarikh 8 Disember 2015.

Dalam surat tersebut, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju untuk mengambil alih pengurusan dan operasi perkhidmatan feri dengan syarat, Pertama, Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti atau tanggungan hutang ditanggung PPSB sehingga tarikh ambil alih perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri termasuk tanggungan pembayaran bekalan/perolehan yang telahpun ditempah oleh PPSB.

"Kedua, Kerajaan Negeri diberi hak untuk mengambil alih kedua-dua jeti di Pangkalan Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth termasuk aset yang berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan baik pulih feri tanpa sebarang liabiliti serta tanggungan.

"Ketiga, Kerajaan Negeri hanya akan mengambil kesemua kakitangan di kumpulan rendah/sokongan yang



FERI yang merupakan mod pengangkutan alternatif terpenting yang menghubungkan bahagian pulau dan Seberang Perai negeri Pulau Pinang.

bertugas dan terlibat secara langsung dengan operasi perkhidmatan feri, manakala pengambilan kakitangan pengurusan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Kerajaan Negeri kelak.

"Keempat, Kementerian Pengangkutan mesti meluluskan 30 lesen 'water taxi' kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pengoperasian serta tapak 'docking berth' yang berkaitan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa, susulan surat tersebut, Kementerian Pengangkutan melalui surat maklum balas bertarikh 30 Disember 2015, akan mengadakan satu taklimat berhubung cadangan mengambil alih pengurusan dan operasi perkhidmatan feri pada 8 Januari 2016 di Putrajaya yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan Malaysia, Datuk

Ruhaizah Mohamed Rashid.

Pada 2 Januari lalu, Hock Seng dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik serta Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun mengadakan tinjauan ke Pangkalan Raja Tun Uda di Weld Quay dan mendapati bahawa hanya tiga feri sahaja berfungsi selepas jam 10 pagi dengan jarak perkhidmatan untuk setiap feri adalah setiap satu jam berbanding empat feri bermula pukul 6 - 10 pagi.

Exco sedia bertemu Menteri, harap Pusat tunai janji dulu sedia rumah untuk P. Pinang

DATUK KERAMAT – Kerajaan Pusat diseru agar seiringan bersama Kerajaan Negeri dalam usaha penyediaan rumah mampu milik di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, adalah menjadi harapan agar Kerajaan Pusat dapat bekerjasama menangani 'kebimbangan' Kerajaan Negeri dengan merealisasikan pembinaan rumah mampu milik di bawah skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Pulau Pinang.

"Sepanjang tahun 2015, telah banyak pengumuman dibuat Kerajaan Pusat termasuk oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Abdul Rahman Dahlan untuk membina rumah di bawah skim PR1MA di Pulau Pinang.

"Namun, sehingga ke hari ini, masih belum nampak apa-apa perancangan untuk membina unit-unit rumah mampu milik di bawah skim PR1MA di sini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Baucar Kelengkapan Persekolahan Kepada 51 Anak-anak Yatim dari Wisma Anak-anak Yatim Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Wisma

Anak-anak Yatim Pulau Pinang, Tan Sri Datuk Seri Yusof Latif.

Pada majlis berkaitan, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut mengumumkan sumbangan RM20,000 kepada Wisma Anak-anak Yatim Pulau Pinang bagi membantu pengurusan, pentadbiran dan penyelenggaraan kediaman anak-anak yatim tersebut.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa sebagai langkah permulaan tahun 2016, beliau bersedia untuk mengadakan pertemuan bersama Abdul Rahman bagi membincangkan beberapa isu perumahan termasuk skim-skim perumahan yang pernah diumumkan Kerajaan Pusat sebelum ini.

"Saya bersedia bertemu beliau (Abdul Rahman) dan berharap tahun ini (2016), Kerajaan Pusat dapat menunaikan janji-janji yang dibuat dahulu untuk Pulau Pinang sekaligus menyediakan rumah yang selesai dan mampu dimiliki," ujarnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa 12 projek perumahan yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri di lima daerah seluruh Pulau Pinang kini di 'landasan' yang betul.

"Ini termasuk penyempurnaan sasaran fasa pertama 520 unit rumah mampu milik di Bandar Cassia, Batu Kawan, tahun ini, dan penyerahan kunci



JAGDEEP Singh Deo (depan, dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Yusof Latif (depan, dua dari kanan) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Baucar Kelengkapan Persekolahan Kepada 51 Anak-anak Yatim dari Wisma Anak-anak Yatim Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

kepada penyerahan kunci kepada 370 pemilik rumah di Majestic Heights Fasa 2A yang telah menunggu lebih 17 tahun untuk menduduki kediaman masing-masing.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) juga akan merencanakan lagi kerja-kerja 'meremajakan' semula bangunan-bangunan kediaman kos rendah yang 'berusia' di negeri ini demi penyelesaian dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang," ujarnya.



PIP 'bukan sesuatu yang baharu' di P. Pinang, respons Ketua Pembangkang

GEORGE TOWN - Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) yang dikemukakan Kerajaan Negeri hari ini demi menangani masalah kesesakan trafik sehingga tahun 2050 bukanlah sesuatu yang baharu, kata Datuk Jahara Hamid.

Menurut Ketua Pembangkang Pulau Pinang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar itu, Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dahulupun pernah mengemukakan pelan seumpama itu.

"Pelan Induk Pengangkutan (PIP) telah dilakukan semasa era BN lagi...ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana Pulau Pinang berdepan dengan masalah pengangkutan semenjak 10 tahun lalu lagi.

"Kita (pembangkang Pulau Pinang) akan meneliti dengan lebih lanjut tentang cadangan projek ini dan kita akan memberi penerangan kepada pemimpin-pemimpin tempatan kita di kawasan yang terlibat (dengan PIP).

"Apapun, kita (pembangkang) nak pastikan Pulau Pinang akan terus maju, dan rakyat tidak akan mendapat impak yang negatif daripada pembangunan ini," katanya selepas selesai Sesi Taklimat Pelaksanaan PIP kepada ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen (MP) Pembangkang Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Bertam, Shariful Azhar Othman, Muhamad Yusoff Mohd.



JAHARA Hamid (bertudung) dan ADUN-ADUN lain merakamkan gambar bersama-sama Chow Kon Yeow (tengah) dan Szeto Wai Long (kiri sekali) selepas selesai Sesi Taklimat Pelaksanaan PIP kepada ADUN-ADUN dan MP-MP Pembangkang Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Noor (ADUN Sungai Dua) dan Datuk Shah Headan Ayoob Hussain (ADUN Teluk Bahang).

Majlis itu dikendalikan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan

Pengarah Projek PIP dari Konsortium SRS selaku rakan pelaksana projek (PDP), Szeto Wai Long.

KN, rakyat kuasai kepentingan LRT selepas siap, bukan swasta – Exco

GEORGE TOWN - Hasil tambakan laut untuk membiayai kos pemajuan transit aliran ringan (LRT) dari Komtar ke Bayan Lepas serta lebuh raya dari pulau merentasi laut ke Seberang Perai akan memastikan Kerajaan Negeri memiliki kepentingan atas pengangkutan awam tersebut, bukannya pihak swasta.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, kedua-dua projek utama di bawah Pelan Induk Pengangkutan (PIP) tersebut akan diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri, selepas siap dimajukan oleh Konsortium SRS selaku rakan pelaksana projek (PDP) nanti.

"Pengangkutan (awam) adalah suatu keperluan sosial...kalau operasi tiada rugipun, itu sudah baik.

"Dalam kes ini, *capital investment* datang daripada Kerajaan Negeri melalui tambakan laut, ertinya ia (tanah yang ditebus guna ini) dimiliki oleh kerajaan dan rakyat.

"Jangan bimbang sekiranya penjualan tiket-tiket (LRT) untuk membiayai (kos pemajuan) RM6 bilion itu tidak mencukupi, kerana ia sudah ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui tambakan laut itu.

"Inilah tujuan mengapa tambakan laut diperlukan, kerana kita milik sistem (LRT) itu," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Penjelasan itu sekaligus menolak dakwaan pembangkang Pulau Pinang yang bahawa kerja-kerja tambakan laut di negeri ini adalah lebih merugikan rakyat serta menguntungkan

pemaju swasta terbabit.

"Kerajaan Negeri menjadi pemilik tanah-tanah yang ditambak itu, bukan seperti kontraktor dulu-dulu apabila memeterai satu-satu perjanjian," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Difahamkan, Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) pada tahun 1999 pernah meluluskan projek tambakan laut seluas 940 ekar di Tanjung Pinang dengan harga serendah RM1 sekaki persegi kepada satu pihak sahaja, berserta syarat hanya 10 peratus tanah tebus guna tersebut diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

Sebelum itu, Kon Yeow bersama-sama Pengarah Projek PIP dari Konsortium SRS, Szeto Wai Long membentangkan kajian terperinci serta status pelaksanaan PIP yang terbaru, selepas mendapat 'lampu hijau' Kerajaan Negeri pada 21 Oktober tahun lalu.

Untuk projek pemajuan LRT, Wai Long memberitahu bahawa pihaknya merancang untuk menyempurnakan hasil Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) dan Kajian Terperinci Impak Pembangunan (DID) serta Penilaian Impak Sosial (SIA) dalam tempoh enam bulan, lalu menyerahkan laporan berwajib kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada hujung bulan Jun tahun ini.

Beliau dalam pada itu turut menjelaskan mengenai status firma perunding bagi projek pemajuan LRT serta cadangan tebus guna tanah berwajib.

LAKARAN rangkaian jaringan PIP yang dicadangkan pihak PDP.



Keistimewaan adik Fajar tarikan Karnival Usahawan Tahfiz Se-Malaysia

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BERTAM - Hampir 300 kanak-kanak berjaya dihimpunkan dalam Majlis Forum Bicara Bersama Hafiz Cilik Indonesia iaitu adik Fajar Abdulrokhim baru-baru ini sekaligus menyerlah tanda sokongan pada penganjuran Karnival Usahawan Tahfiz Se-Malaysia bagi Zon Utara di Dewan Millenium di sini.

Program julung kali dianjurkan Yayasan Mawar Pulau Pinang dan Koperasi Permata Al-Quran Malaysia tersebut turut mendapat kerjasama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I.

Adik Fajar, 9, disahkan mengidap penyakit *cerebral palsy* iaitu otak lumpuh sejak lahir.

Ibunya, Heny Sulistiowati Sunardi ketika ditemui berkata, sewaktu hamil, Fajar telah didedahkan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan mula menghafalnya sejak umur 4 tahun lagi.

"Sewaktu hamil, saya dan suami, Joko Wahyudiono Suwardi selalu mengamalkan sekurang-kurangnya satu juzuk al-Quran setiap hari, malah tidak memperdengarkan perkara yang tidak baik serta menjaga pemakanan.

"Amalan ini diteruskan sehingga sekarang dan secara tidak langsung membantu anak kami (Fajar) mempelajari al-Quran dan dapat menghafaz al-Quran sejak usianya mencecah 3 tahun.



PARA jemputan dan peserta bergambar kenangan pada penganjuran Karnival Usahawan Tahfiz Se-Malaysia bagi Zon Utara di sini baru-baru ini.



FAJAR Abdulrokhim bersama-sama ibu dan bapanya.

"Saya bersyukur dengan kebolehannya ini yang dapat membantu beliau menjadi hafiz dan juga imam besar Masjidil Haram termakbul sebagaimana diimpikan beliau," katanya ketika sesi berkongsi pengalaman pada penganjuran Karnival Usahawan Tahfiz Se-Malaysia bagi Zon Utara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Pengerusi Yayasan Mawar Pulau Pinang, Dr. Abdul Hadi Abdul Rahman dan

Setiasaha Agung Yayasan Mawar Pulau Pinang, Ahmad Fahmi A. Bakar.

Penganjuran karnival yang bertujuan memartabatkan sekolah tahfiz tersebut pada masa sama memberi peluang kepada individu-individu berkaitan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Dalam pada itu, Pakar Bahagian Kanak-kanak Hospital KPJ, Dr. Zaidi Zakaria ketika mengulas mengenai pesakit *cerebral palsy* atau otak lumpuh menyatakan, kajian mendapati bahawa sebanyak 60 peratus kes adalah melibatkan

masalah pembelajaran dan 40 peratus (menunjukkan tiada masalah).

"*Cerebral palsy* yang merupakan 'kerosakan' kekal akan mempengaruhi tiga aspek kerosakan iaitu dari segi pergerakan, keseimbangan badan dan kedudukan yang mana pesakit akan mengalami kesukaran untuk bercakap, berjalan, keseimbangan badan serta lain-lain.

"Mereka ini boleh hidup secara normal sehingga ajalnya dan penyakit ini juga tiada perkembangan positif sehingga ke hari ini," jelas beliau.

Sesi dialog & penerangan projek 'meremajakan' semula bangunan kediaman, 31 Jan.

DATUK KERAMAT - Sesi dialog dan penerangan berhubung pembangunan semula bangunan-bangunan kediaman lama di Taman Free School bakal diadakan pada 31 Januari ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkannya berkata, sesi dialog tersebut adalah bertujuan memberi penerangan mengenai projek 'meremajakan' semula bangunan kediaman kos rendah (KR) yang 'berusia' di negeri ini di bawah Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar.

"Jawatankuasa telah bersetuju untuk menjadikan rumah pangsa di Taman Free School sebagai perintis projek menaik taraf bangunan lama di Pulau Pinang," katanya selepas mengedarkan kalendar tahun baru 2016 di Pasar Taman Free School di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, Taman Free School kini mempunyai 1,250 unit rumah dengan keluasan



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) mengedarkan kalendar 2016 kepada salah seorang peniaga di Pasar Taman Free School baru-baru ini.

500 kaki persegi (k.p) dan akan dibangunkan semula menjadi rumah yang berkeluasan 700 k.p lengkap dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air.

"Saya percaya melalui projek ini, ia akan mewujudkan

suasana dan kualiti hidup yang lebih baik kepada penduduk sekaligus mengurangkan kos penyelenggaraan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui HAPPY! (Program Bantuan Perumahan Pulau

Pinang)," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa tiga projek perumahan KR yang lain turut dikenalpasti untuk 'diremajakan' semula.

"Antaranya, rumah pangsa di

Jalan Mahsuri, Bayan Baru; di Mak Mandin dan Ampang Jajar di Seberang Perai dan (di) Padang Tembak, Air Itam.

"Saya berharap dengan adanya sesi dialog dan penerangan ini, penduduk yang terbahit khasnya akan lebih memahami bidang tugas jawatankuasa khas berkaitan, sekaligus tahu apa itu projek 'meremajakan' semula bangunan kediaman lama sebagaimana dilakukan di Singapura, Hong Kong dan Jepun.

"Sekiranya berjaya dan berjalan lancar, Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama yang melaksanakannya," jelasnya.

Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar atau *Urban Regeneration Committee* turut dianggotai Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng serta agensi-agensi kerajaan dan swasta berwajib.

Rakyat alami kesesakan trafik akan faham tujuan PIP - KM

BAGAN DALAM - Rakyat Malaysia yang mengalami kesesakan trafik khususnya pada waktu puncak di negeri ini sahaja akan memahami komitmen Kerajaan Negeri mahu melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Perasmian Projek Penarafan Jalan dan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Siram di sini baru-baru ini.

"Orang yang tidak pernah menghadapi kesesakan trafik sahaja yang akan mengutuk perancangan PIP ini.

"Tetapi, yang tinggal di Pulau Pinang tidak akan menentang rancangan Kerajaan Negeri ini dalam menangani isu kesesakan trafik sehingga tahun 2050 nanti.

"Seperti projek penarafan Jalan Siram ini yang sudah pasti untuk menangani masalah kesesakan trafik pada waktu puncak, usaha ini tidak akan ditentang sekiranya mereka tahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini turut berjaya menjimatkan wang rakyat sebanyak RM615.519.04 apabila projek ini siap sekarang," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Ahli Parlimen Bagan pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam) turut berucap pada

majlis tersebut.

Hadir sama, ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Phee Boon Poh (ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Ir. Salleh Awang (Pegawai Jabatan Kerja Raya, JKR Negeri).

Pada 30 Januari tahun lalu, projek penarafan Jalan Siram dimulakan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM8,713,359.50 menerusi peruntukan Kerajaan Negeri.

Setelah projek siap, sebanyak RM8,097,840.46 dibelanjakan, iaitu RM3,266,400 untuk kos projek seperti pelebaran jalan dari dua lorong kepada empat lorong di sini.

Manakala, baki RM4,831,440.46 perbelanjaan adalah untuk kos pengambilan tanah berwajib.

PIP pula merupakan projek pemajuan sistem trafik bersepadu yang meliputi pemajuan beberapa lebuh raya, termasuk dari pulau ke Seberang Perai.

Pelan itu turut terdiri oleh pemajuan satu jajaran transit aliran ringan (LRT) serta dua monorel di bahagian pulau, serta satu LRT lain merentasi laut ke tanah besar Seberang Perai.

Selain itu, satu lagi jajaran monorel lain serta sistem bas transit rapid (BRT) turut akan diwujudkan di Seberang Perai.

Kerajaan Negeri melantik Konsortium SRS sebagai rakan pelaksana projek (PDP) yang dianggarkan bernilai RM27 bilion itu.

PP, negeri pertama bertemu pengusaha vape sebelum ambil sebarang keputusan - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri masih belum memberi kata putus bagi mengharamkan penggunaan dan penjualan vape di negeri ini berikutan perlunya perbincangan lebih terperinci berhubung isu itu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri memerlukan tempoh tertentu untuk memberi kata putus dan menyediakan suatu polisi berhubung penggunaan dan penjualan vape di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mengadakan sesi perbincangan secara terperinci bersama-sama pihak Kementerian Kesihatan (KKM) termasuk beberapa pakar sebelum memutuskan sama ada vape diharamkan atau tidak.

"Kemudian, kita (Kerajaan Negeri) akan membuat keputusan berdasarkan fakta serta maklumat daripada pakar-pakar memandangkan aspek kesihatan menjadi keutamaan semua pihak," katanya ketika merumuskan pertemuan bersama-sama pengusaha vape dan badan-badan berwajib pada Sesi Dialog Awam berkenaan Isu Vape di sini 5 Januari lalu.

Hadir sama sebagai panel pendengar, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan); Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) serta Wong Hon Wai selaku Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut hadir memberi pandangan masing-masing antaranya ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer dan ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Disertai kira-kira 50 pengusaha vape dari Persatuan Pengusaha Vape Pulau Pinang (PPVPP), sesi dialog



PEGAWAI Pendidikan CAP, N.V. Subbarow menunjukkan 'shisha sticks' yang turut popular dalam kalangan pelajar sekolah di negeri ini.

berkenaan turut dihadiri wakil-wakil dari Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia (USM), National Cancer Society Malaysia (NCSM) cawangan Pulau Pinang dan KKM.

Sehubungan itu, Guan Eng turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan mengeluarkan lesen-lesen baharu bagi penjualan vape

sementara menunggu keputusan yang akan diumumkan kelak.

"Walau bagaimanapun, lesen sedia ada ataupun yang telah dikeluarkan tidak akan ditarik balik sehingga suatu persetujuan dibuat kelak," jelasnya.

Mengulas lanjut, Afif ketika ditemui berharap pengusaha vape dapat tampil memberi pandangan bersertakan fakta dan maklumat yang kukuh berhubung isu vape kepada beliau.

"Saya dan pihak Kerajaan Negeri inginkan maklumat dan input-input daripada pengusaha vape memandangkan pandangan yang diberikan semasa sesi dialog tadi tidak meyakinkan terutamanya pada aspek kesihatan.

"Apapun, diharap semua bersabar dan Kerajaan Negeri sedang melakukan yang terbaik memandangkan kita menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang mengadakan pertemuan umum dengan pengusaha vape dan wakil-wakil berwajib sebelum mengambil sebarang keputusan (mengenai penjualan dan penggunaan vape di negeri ini)," ujarnya yang juga ADUN Seberang Jaya.

Terdahulu, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah penggunaan vape sebagai haram pada Muzakarah Khas diikuti pengumuman pengharaman penggunaan vape di beberapa negeri antaranya Johor, Kelantan, Wilayah Persekutuan dan Perak.

Taman
Tasek Harmoni

KEDIAMAN IMPIAN YANG MODEN DAN EKSKLUSIF



RUMAH BERKEMBAR 2-TINGKAT

JENIS A (4 UNIT)

KELUASAN TANAH:
2228KPS (MIN)-2401KPS (MAK)
KELUASAN BINAAN:
1798KPS (MIN)-1798KPS (MAK)
HARGA JUALAN:
RM538,000.00 (MIN)
RM550,000.00 (MAK)

JENIS B (8 UNIT)

KELUASAN TANAH:
2443KPS (MIN)- 6534KPS (MAK)
KELUASAN BINAAN:
2091KPS (MIN)-2091KPS (MAK)
HARGA JUALAN:
RM638,000.00 (MIN)
RM925,000.00 (MAK)



RUMAH TERES 2-TINGKAT (73 UNIT)

KELUASAN TANAH: 1356KPS (MIN) - 3186KPS (MAK)
KELUASAN BINAAN: 1775KPS (MIN) - 1775KPS (MAK)
HARGA JUALAN: RM408,000 (MIN)-RM540,000 (MAK)



KEDAI PEJABAT 2-TINGKAT (18 UNIT)

KELUASAN TANAH:
1300KPS (MIN) - 2131KPS (MAK)
KELUASAN BINAAN: 2288KPS (MIN) - 3041KPS (MAK)
HARGA JUALAN: RM698,000 (MIN)-RM858,000 (MAK)



LOKASI YANG STRATEGIK

- Terletak di Simpang Ampat yang bangun pesat
- Infrastruktur & kemudahan yang senang untuk diakses
- Berhampiran dengan Jambatan Pulau Pinang Kedua dan Lebuhraya Utara-Selatan
- Jarak dekat dengan hospital, pasar, sekolah dan kelab golf

PEMBELI-PEMBELI BUMIPUTERA YANG BERMINTA SILA HUBUNGI:
BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI,
PARAS 20, KOMTAR 10503 PULAU PINANG
TEL: 04-6505 242/6505 244
FAX: 04-2622 904



LOYAL GREENWORLD SDN BHD

1797-1-8A, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange,
13600 Prai, Penang. Tel 018-233 0233 Faks 04-507 5080
Email loyalgreenworld@gmail.com

No. lesen pemaju: 13664-1/08-2016/0880 (L)
Tempoh sah: 30/08/2014-29/8/2016
No. permit iklan & jualan: 13664-1/08-2016/0880 (P)
Tempoh sah: 30/08/2014-29/8/2016
Hakmilik tanah: Pegangan Bebas
Jumlah Unit: 85 unit

No. pelan susunatur: MPSP/70/39-76/33
No. pelan bangunan: MPSP/40/20-76/33
Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP
Pajakan tanah: Ambank (M) Berhad
Tarikh dijangka siap: September 2016
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA • HAKMILIK KEKAL

Pokok tin gamit pengunjung Ekspo Usahawan Desa Orkid & Flora

MACHANG BUBUK – Anak pokok tin antara ribuan spesies tumbuhan yang dijual di Ekspo Usahawan Desa Orkid dan Flora 2015 .

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, beliau sendiri tidak sangka bahawa pokok tin yang turut disebut dalam Al-Quran rupa-rupanya begitu menggamit perhatian pengunjung ke karnival itu.

"Buah tin mungkin kita pernah makan sama ada semasa ia dibawa pulang ke tanah air, atau semasa kita mengerjakan haji.

"Tetapi, pokok tin mungkin jarang kita dapat lihat, walaupun kita yang melazimi bacaan Al-Quran seringkali bertemu dengan Surah At-Tin," katanya pada penganjuran Ekspo Usahawan Desa Orkid dan Flora 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) dan Lee Khai Loon (kanan sekali) merakamkan gambar dengan pemimpin JKKK setempat, selepas merasmikan penganjuran Ekspo Usahawan Desa Orkid dan Flora 2015 di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk pokok tin.

Masyarakat menjelaskan falsafah Al-Quran menyebut mengenai buah tin dan zaitun, serta hubungan antara Bukit Tursina dan Mekah yang menjadi tempat hidupnya kedua-dua pokok itu.

Sebelum itu, Khai Loon dalam ucapannya merakamkan penghargaan kerana diberi peluang terlibat dalam penganjuran karnival tersebut.

"Tidak lupa juga kepada pihak MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dan Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) yang banyak membantu kami

mengadakan ekspo ini," ujarnya.

Difahamkan, karnival yang berlangsung selama hampir 14 hari sehingga 31 Disember 2015 itu adalah anjuran MMK Keusahawanan, langsung di bawah Pejabat Timbalan Ketua Menteri I sendiri.

Selain bunga orkid dan anak pokok tin, buah-buahan segar, pameran ular serta pakaian turut dijual di sini.

Pemilik gerai buah-buahan, Azizi Ismail memberitahu kebanyakan orang percaya bahawa pokok tin sukar ditanam, namun hakikatnya ia mempunyai kaedah tersendiri dari segi

penjagaannya.

"Memang kalau nak diikuti cara penjagaannya berbeza daripada tanaman lain, tapi bila kena dengan caranya, Insya-Allah ia akan berhasil," jelas beliau.

Tambahnya, anak pokok Tin boleh dijual dengan harga antara RM100 hingga RM150 sepokok, tetapi boleh dibeli dengan harga yang lebih murah di karnival tersebut.

Tin juga dikenali sebagai Ara atau nama saintifiknya, '*ficus carica*'.

Tribunal Pengurusan Strata diharap berfungsi dengan lebih baik - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

BAYAN BARU - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Pengurusan, Jagdeep Singh Deo berharap penubuhan Tribunal Pengurusan Strata baru-baru ini mampu berfungsi dengan lebih baik demi keharmonian penduduk di Pulau Pinang.

"Kita harapkan penubuhan tribunal ini akan berfungsi dalam memastikan kesejahteraan komuniti perumahan berstrata di negeri ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat itu berkata demikian selepas berucap pada Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata Kepada JMB dan MC Bagi Tahun 2015 Peringkat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik, Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar MBPP), ketua-ketua jabatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dan wakil agensi kerajaan.

Menurut Jagdeep, penubuhan tribunal tersebut merupakan antara



PATAHIYAH Ismail (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri) sambil diperhatikan Ng Wei Aik (kanan sekali) pada Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata Kepada JMB dan MC Bagi Tahun 2015 Peringkat MBPP di sini baru-baru ini.

elemen penambahbaikan dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), sejak ia dikuatkuasakan di

seluruh negara pada 1 Jun tahun lalu, dan mula dikuatkuasakan di Pulau Pinang 12 hari kemudian.

"Di antara elemen-elemen lain yang telah ditambahbaik adalah penetapan harta bersama ditanda

atas pelan strata, penetapan formula unit syer, pemaju diwajibkan untuk mengemukakan jadual petak (*schedule of parcel*) dan banyak lagi penambahan lain," ujarnya.

Sebelum itu, Patahiyah memberitahu bahawa terdapat 1,223 skim pemajuan berjumlah 182, 498 petak direkodkan MBPP setakat 30 September 2015.

"Sehingga kini, terdapat 240 skim pemajuan berstrata di bawah pentadbiran MBPP yang telah menubuhkan JMB.

"Manakala, 632 skim pemajuan telah berjaya menubuhkan MC. Oleh itu, jumlah keseluruhan badan pengurusan yang telah ditubuhkan JMB atau MC adalah sebanyak 872 skim," jelas beliau.

Difahamkan, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) digubal lalu diwartakan bagi menggantikan Akta 663 atau Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

Akta baru itu antara lain bagi membolehkan kedua-dua tuan tanah serta penyewa untuk dibawa ke mahkamah, berbanding akta lama yang hanya membenarkan tindakan ke atas tuan tanah sahaja.

KN sentiasa alu-alukan permohonan Pusat bina PR1MA di P. Pinang - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

PANTAI JEREJAK – Sungguhpun dilayan dingin oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri hari ini berharap amalan Perkongsian Awam-Swasta mampu menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Sidang Kemuncak Hartanah Antarabangsa Pulau Pinang 2016 (PIP) di sini baru-baru ini.

"Saya masih ingat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan bahawa 9,999 unit rumah mampu milik akan dibina di kawasan Air Itam dan Air Putih (iaitu) kawasan saya menjelang PRU13 (Pilihan Raya Umum Ke-13), namun jelas terbukti ia janji kosong.

"Inilah sebabnya, mengapa begitu penting sidang kemuncak (PIP) seperti ini, kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mood Perkongsian Awam-Swasta dengan melibatkan sektor (pemaju perumahan) swasta, untuk mendengar (maklum balas) daripada sektor swasta tentang bagaimana kita (Kerajaan Negeri) boleh meningkatkan sistem penyampaian perumahan mampu milik, khususnya untuk rakyat Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada penganturan berkaitan.

ADUN Datuk Keramat merangkap Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo turut berucap pada sidang kemuncak tahunan kedua itu.

Guan Eng memberitahu, rakyat Malaysia di negeri ini sepatutnya tidak dianaktirikan oleh pentadbiran Najib, memandangkan Pulau Pinang merupakan pembayar cukai

ketiga tertinggi di negara ini pada tahun 2014.

"Kami telah membayar sejumlah RM6.3 bilion, hanya lebih kurang 2 peratus daripada jumlah itu telah disalurkan kembali ke Pulau Pinang.

"Dalam apa jua keadaan malang, tidak ada satu sen pun, untuk perumahan awam mampu milik," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Selain itu, tambah beliau, Kerajaan Negeri sehingga kini masih menuntut Kerajaan Persekutuan menyegerakan proses kelulusan semua permohonan Permit Iklan dan Lesen Pemaju (APDL), susulan dibangkitkan oleh para pemaju dalam sidang kemuncak kali yang pertama pada tahun lalu.

"Ini adalah satu contoh bagaimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang sensitif terhadap masalah yang dihadapi oleh pemaju.

"Kerajaan Persekutuan seakan mensabotaj ekonomi, bukan sahaja pemaju dari Pulau Pinang, tetapi, semua penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya, industri perumahan...melibatkan kira-kira 140 peserta industri," tegas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam perkembangan lain, beliau berharap rancangan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) bernilai RM27 bilion demi menangani masalah kesesakan trafik sehingga 2050, sekaligus mampu menjana pertumbuhan ekonomi serta memajukan sektor hartanah perumahan di negeri ini.

Sebelum itu, Jagdeep memberitahu, terdapat 12 projek perumahan yang terdiri oleh 22,512 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu



KETUA Menteri sambil diiringi Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) dan Rosli Jaafar (kiri sekali) melawat ruang pameran salah sebuah pempamer pada penganturan PIP di sini baru-baru ini.

milik sedang dan akan dibina di kelima-lima daerah di negeri ini, membabitkan perkongsian sektor awam dan swasta.

Dalam pada itu, katanya, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan dua permohonan Kerajaan Pusat untuk membina rumah mampu milik di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Pulau Pinang baru-baru ini.

Jelas Jagdeep, dua permohonan itu sebenarnya adalah susulan pada mesyuarat beliau dengan pegawai Perbadanan PRIMA Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu.

"Kami menerima permohonan pada Disember tahun lalu bagi dua projek perumahan mampu milik di bawah PRIMA di Batu Ferringhi dan Bukit Gelugor, dengan

sejumlah 2,644 unit," ujar beliau.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).

Sidang Kemuncak Hartanah Pulau Pinang 2016 yang melibatkan Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) merupakan antara usahasama Kerajaan Negeri untuk menangani cabaran semasa berkaitan pembangunan hartanah serta kepentingannya untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang.



MAJLIS PEMBERIAN INSENTIF PERKHIDMATAN

Kepada
PEMANDU TEKSI BAJET, TEKSI LAPANGAN TERBANG,
TEKSI EKSEKUTIF, TEKSI MEWAH, LIMOUSIN DAN KERETA
SEWA YANG BERDAFTAR DI NEGERI PULAU PINANG

 Tarikh : 4 Februari 2016 (Khamis) Masa : 9.00 Pagi Tempat : Dewan Sri Pinang, Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, George Town, 10200 Pulau Pinang	Tarikh : 5 Februari 2016 (Jumaat) Masa : 9.00 Pagi Tempat : Dewan Serbaguna (Sp Arena), Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	
--	---	---

dirasmikan oleh:

YAB LIM GUAN ENG

Ketua Menteri Pulau Pinang

Kajian terperinci alternatif tangani banjir kilat kawasan lembangan Sg. Jawi

Gambar : **ADUN**

JAWI - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu bahawa satu kajian terperinci berhubung tebatan banjir dan rumah pam di sepanjang lembangan Sungai Jawi bakal dilaksanakan bagi mencari alternatif jangka masa panjang terbaik untuk menangani kejadian banjir kilat di kawasan berkaitan.

Katanya, buat masa ini, segala kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah bersifat sementara untuk mengatasi bencana berkaitan dalam jangka masa sederhana.

“Saya berharap isu banjir kilat di kawasan ini dapat diselesaikan memandangkan ianya sudah lapuk sejak dahulu lagi.

“Susulan itu, kami telah menerima cadangan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Negeri cawangan Seberang Perai Selatan (SPS) untuk menambah satu lagi pam di rumah pam berhampiran perkampungan Jawi selain meninggikan tebing di belakang Kampung Sethu yang kini memiliki ketinggian 1.0 meter kepada 5.5 meter.

“Malah, JPS juga bercadang memanjangkan ban dengan menjadikan 300 meter panjang berbanding sedia ada, 100 meter. Serentak itu, adalah berhubung pelaksanaan kerja-kerja mendalamkan Sungai Jawi sebanyak dua kali setahun,” katanya ketika mengadakan lawatan ke perkampungan Jawi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Jurutera JPS SPS, Zahid Zainal Abidin; Jurutera JKR cawangan SPS, Syed Zubir Syed Husin dan beberapa pegawai MPSP serta ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jawi.



CHOW Kon Yeow (tengah), Soon Lip Chee (empat dari kanan) dan beberapa pegawai dari agensi-agensi berkaitan ketika mengadakan sesi lawatan ke perkampungan Jawi di sini baru-baru ini.

Lawatan tersebut adalah ekor an maklum balas para penduduk yang terpaksa hadapi kejadian banjir kilat apabila hujan lebat melanda kawasan berkaitan.

Situasi berkenaan dipercayai berpunca daripada kegagalan rumah pam yang tidak mampu berfungsi dengan baik dan menampung jumlah air yang banyak.

Dalam pada itu, Zahid memberitahu bahawa pada malam 14 Disember 2015,

hujan lebat yang berterusan telah menyebabkan peningkatan aliran air dari kawasan tinggi mengalir ke Sungai Jawi sehingga mengakibatkan beberapa kampung seperti Kampung Sethu dan Kampung Jawi dilanda banjir kilat.

"Sekiranya kita (JPS) menambah satu lagi pam (di rumah pam) di sini, ia akan membantu mengelak berlakunya kejadian ini (banjir kilat)," jelas beliau.



ZAHID Zainal Abidin menunjukkan gambar kerja-kerja meninggikan tebing di pesisir Sungai Jawi.

Hak Milik Kekal / Pegangan Bebas

GREEN VILLA

@ Nibong Tebal Pulau Pinang
(Cadangan Nama Taman belum disahkan oleh Pihak Akaik Dairah)

5% diskaun untuk Bumi Lot

Satu lagi projek berprestij oleh Epic Valley Group

Dibuka untuk Jualan

Pelan Lokasi

Penjelasan itu sekaligus menyanggah dakwaan pihak tertentu kononnya Kerajaan Negeri pun seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang didedah menjual projek pembangunan bandar Malaysia kepada syarikat asing dari China demi melangsaikan hutang luar kawalan syarikat pelaburan Kerajaan Pusat itu.

“Setiap negeri di Malaysia secara aktif meningkatkan usaha mereka untuk mendapatkan lebih banyak pelabur ke negeri masing-masing.

“Pulau Pinang tidak ketinggalan melalui usaha-usaha Kerajaan Negeri menarik pelabur langsung asing ke sini.

“Jika pelaburan ini (*Jabil Circuit*) tidak dibenarkan dan salah, maka semua Zon Perindustrian Bebas seperti di Kulim, Kedah dan Iskandar, Johor juga perlu ditutup kerana mereka juga melakukan perkara yang sama bagi mendapatkan FDI,” katanya pada sidang media pada penganjuran Majlis Sambutan Rumah Terbuka Krismas dan Tahun Baru 2016, anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnlon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), barisan Exco Kerajaan Negeri dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC).

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menambah, penjualan tanah untuk tujuan pelaburan sekaligus turut

mencipta lebih 2,500 peluang pekerjaan mahir dalam pelbagai industri untuk tempoh lima tahun akan datang di negeri ini.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan turut menyanggah laporan portal berita pro Umno, *MyKMU* yang menuduh Kerajaan Pulau Pinang turut menjual sebidang tanah di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas kepada syarikat asing dari Singapura.

“Mendapatkan pelaburan untuk mewujudkan pekerjaan bukanlah mainan hantaran.

“Begitu juga Temasek Holdings Berhad yang akan membangunkan Projek Perdana Penyumbangan Luaran Proses Perniagaan (BPO).

“Ia bagi meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan sektor perkhidmatan di Pulau Pinang iaitu tambahan kepada sektor pembuatan sedia ada,” jelasnya.

Nada serupa turut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam kenyataan berasingan baru-baru ini.

“Pulau Pinang telah menarik perhatian syarikat-syarikat MNC dari seluruh dunia, bukan dari Amerika Syarikat sahaja.

“Satu-satu syarikat yang mahu membina kilang, mereka perlu pastikan sebidang tanah, jika masih ada, maka tanah itu akan dijual, tetapi tujuan adalah khusus untuk pembinaan kilang.

“Itupun, dalam suatu tempoh yang telahpun ditetapkan, kalau lebih dari tempoh yang ditetapkan itu, Kerajaan Negeri berhak mendapatkan balik tanah-tanah tersebut.

“Itu bukan perkara baru dan dilakukan sejak 50 tahun lalu lagi...ini sejajar dengan dasar perindustrian di Pulau Pinang,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)

Tawaran ini adalah bertujuan untuk mempelawa para pembida bagi menyertai *Permintaan untuk Cadangan* seperti berikut:-

TAJUK : **REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE DEVELOPMENT OF COASTAL RESORT AND SPA, NORTH EAST DISTRICT, PENANG, MALAYSIA**

TARIKH DIBUKA : **15 DISEMBER 2015**

TARIKH DITUTUP : **15 FEBRUARI 2016**

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> mulai 15 Disember 2015.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan 'Request For Proposal For The Development Of Coastal Resort and Spa, North East District, Penang, Malaysia'. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar kepada **Sekretariat, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia** sebelum 12.00 tengah hari pada **15 Februari 2016**.
3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

Pengasingan sisa di punca, salah satu KPI JKKK

JAWI - Kejayaan melaksanakan amalan pengasingan sisa di punca akan menjadi salah satu aras penanda utama (KPI) dalam pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) pada masa hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Pelancaran Projek Perintis Pertama Dasar 'Segregation at Source' di Kampung Changkat di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu menjadikan Pulau Pinang negeri yang paling bersih di Malaysia.

"Kita mulakan pendekatan pendidikan, sebelum penguatkuasaan dasar pengasingan sisa di punca, mulai 1 Jun depan.

"Salah satu daripada KPI bagi JKKK mesti berjaya melakukan pengasingan sisa di punca, untuk dilantik semula masa akan datang," ujarnya pada majlis berkaitan di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Jawi, Soon Lip Chee, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Jawi, Azmi Samsudin turut serta majlis itu.

Sebelum itu, Kon Yeow memberitahu, terdapat lapan kategori punca kutipan sisa telahpun dikenal pasti, iaitu rumah kampung, rumah taman, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bertingkat, kondominium, kilang, outlet makanan/hotel, pusat membeli-belah dan kompleks kerajaan.

"Setiap satu punca kutipan sisa ini mempunyai ciri-ciri tersendiri, maka mekanisme kutipan diatur khas untuk setiap satu," jelas beliau.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan koir oleh pelajar-pelajar Tadika Changkat.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut merasmikan pembukaan operasi Pusat Sumber Alam Sekitar di sini.



KETUA Menteri diiringi Chow Kon Yeow (dua dari kanan) serta pemimpin Kerajaan Negeri yang lain menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Projek Perintis Pertama Dasar 'Segregation at Source' di sini baru-baru ini.

Tanam pokok bakau pulihara ekosistem marin

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PERAI - Sepanjang tebing Sungai Perai wajar dipulihara dengan penanaman semula anak pokok bakau, demi memelihara ekosistem marin

di sini pada masa depan.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata demikian semasa merasmikan Majlis Penanaman Semula 530 Anak Pokok Bakau di Perkarangan Tingkat Perusahaan 4A Perai, baru-baru ini.



PROF. Dr. P. Ramasamy (kiri) menanam anak pokok bakau pada Majlis Penanaman Semula 530 Anak Pokok Bakau di Perkarangan Tingkat Perusahaan 4A, Perai baru-baru ini.

"Ini kerana, hutan persisiran muara sungai mempunyai habitat kepada kehidupan laut serta landskap semulajadi yang berpotensi menjadi tarikan pelancong," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada majlis berkaitan.

Justeru, beliau yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi & Inovasi memuji kerjasama antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menjayakan projek penanaman semula anak pokok bakau itu.

Sebelum itu, Ahli Majlis MPSP, M. Satees dalam ucapannya memberitahu bahawa projek kehijauan tersebut menelan belanja kira-kira

RM6,630.

Hadir sama, Ketua Jabatan Landskap MPSP, Shaqhrony Md. Yusoff serta dua Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel dan Tan Cheong Heng.

Difahamkan, dua spesies anak bakau yang ditanam di sini, adalah bakau minyak dan bakau api-api.



JENIS pokok bakau yang ditanam.

BE OUR COLLABORATION PARTNERS!

Environmental Education Programs by Penang Green Council


- (1) Green Camp (9-12 years old) - 1 day*
- (2) Environmental Workshops - half day**
 - Water Science Workshop (8-10 years old)
 - Junior Green camp (5-6 years old)
 - "Buy & Throw?" Consumerism Thinking Cap (9 - 12 years old)

Programs are available in English, Malay and Chinese Languages

Deadline for application: 15 Feb 2015



For more information,
please contact us: 04-2503322
Or email: info@pgc.com.my



JKSB Ride, berkayuh sambil beramal

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BATU KAWAN – Lebih 3,000 peserta yang meminati sukan berbasikal mencabar keupayaan diri dengan berkayuh di atas jambatan terpanjang di Asia Tenggara iaitu Jambatan Sultan Mu'adzam Shah menerusi penganjuran Kayuhan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB Ride) di sini baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pengarah JKSB yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus berkata, penganjuran bertemakan 'Santai dan Kekeluargaan' tersebut bertujuan mengutip derma sebagai sumbangan kepada Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (T.Y.T.) yang mana dana tabung berkenaan digunakan untuk membantu mangsa-mangsa bencana di negeri ini.

“Kayuhan ini merangkumi jarak sejauh 43 kilometer (km) bermula dari Stadium Batu Kawan. Kepada peserta yang tidak mampu menghabiskan kayuhan, pusingan ‘U’ dibuka

pada setiap 2km,” katanya selepas Majlis Pelepasan Peserta JKSB Ride di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Turut menjadi rebutan adalah tawaran hadiah sebuah *mountain bike* bernilai RM8,000 pada acara cabutan bertuah.

Dalam perkembangan sama, Pengurus Besar Penang Bicycle Town, Todd Teoh memberitahu bahawa acara tersebut dianjurkan untuk menggalakkan gaya hidup sihat sambil menderma.

“Ini adalah acara yang boleh menggalakkan semua untuk beramal ketika meluangkan masa bersama-sama keluarga dan kawan-kawan sambil menikmati panorama menarik dari jambatan tersebut,” jelas beliau.



PEMANDANGAN Jambatan Sultan Mu'adzam Shah yang dibanjiri dengan para peserta.



AKSI para peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran JKSB Ride di sini baru-baru ini.



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Pegawai Kesihatan Persekitaran	U41	Tetap
2.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Tetap/Kontrak
3.	Penolong Juruaudit	W27	Tetap/Kontrak
4.	Penolong Pegawai Undang-Undang	L29	Kontrak
5.	Juruteknik Komputer	FT17	Tetap/Kontrak
6.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	Tetap/Kontrak
7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	Tetap/Kontrak
8.	Pembantu Operasi	N11	Tetap/Kontrak
9.	Pemandu Kenderaan	H11	Tetap/Kontrak

CARA MEMOHON : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian ('on-line') menerusi portal rasmi <http://www.mbpp.gov.my> atau <http://eperjawatan.mbpp.gov.my> mulai **16 Januari 2016**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 JANUARI 2016

Sebarang kemusyikan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Modal Insan** di talian berikut:-

04-2592115 / 2311 / 2245



**BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	Zuwen Bina Sdn. Bhd. No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11, Taman Kota Permai 14000 Bukit Mertajam No. Tel : 04-5383388 No. Fax : 04-5386388	Di Atas Lot 30188 (Sebahagian Lot Lama 1383), Mukim 14 Medan Kota Permai 6 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.	Taman Kota Permai 2 Fasa 3	Rumah Berkembar 3 Tingkat	RM888,000.00	RM843,600.00	4	-
2.	Tamarins Penthouse Sdn. Bhd. 105-7-13, Hexagon Tech Park, Jalan Gurdwara 10300 Penang No. Tel : 04-5102199 No. Fax : 04-48733641	Di Atas Lot 10005 (Lot Lama 2626 & 2627) Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong Jalan Bungai Hinai Daerah Timor Laut, Penang.	The Penthouse	Pangsapuri	RM3,500,000.00 - RM3,800,000.00	RM3,325,000.00 - RM3,610,000.00	7	Koay Siew Ban
3.	Great Marvel Sdn. Bhd 65, Sri Bahari Road 10050 Penang No. Tel : 04-2644993 No. Fax : 04-2645122	Di Atas Lot 461, Mukim 14, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	SA 65 Taman Perdana	Rumah Sesebuah 3 Tingkat Rumah Berkembar 3 Tingkat	RM1,388,000.00 RM668,000.00 - RM718,000.00	RM1,318,600.00 RM634,600.00 - RM682,100.00	2 6	-
4.	TF Land Sdn Bhd 12A.03 Menara Boustead Penang 39, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Penang No. Tel : 04-2272858 No. Fax : 04-2272861	Di Atas Lot 15966 – 16004, Mukim 15 Jalan Machang Bubok Seberang Perai Tengah , Pulau Pinang.	Taman Machang Bubok	Kedai/Pejabat 2 Tingkat	RM486,514.00 - RM917,286.00	RM462,188.30 - RM871,421.70	11	Tan Kiah Theam

Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, indah & misteri

Oleh : **YAP LEE YING**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD**

AGAKNYA nama Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam diambil bersempena dengan lokasinya.

Terletak di Kampung Air Hitam Dalam, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), hutan paya air tawar ini mampu memberi pengalaman menarik kepada setiap pengunjung yang bertandang.

Nescaya, ramai yang tidak mengetahui destinasi tersebut adalah amat sesuai untuk dikunjungi oleh seisi keluarga.

Ketika Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara tiba di lokasi, hanya sebuah kereta diletakkan di kawasan parkir. Begitu sunyi sekali.

Berhadapan lokasi rekreasi tersebut adalah bendang-bendang sawah padi yang menghijau. Sejuk sungguh mata memandang.

Apa yang pasti, pada hari berkenaan, tapak-tapak kaki dan perbualan kosong kami memecah kesunyian Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.

Kami melangkah menuruni anak-anak tangga ke arah sebuah bangunan yang menyerupai pejabat penerangan juga kaunter informasi, namun tiada pegawai yang bertugas, kemungkinan ketika itu adalah waktu rehat.

Tanpa sebarang panduan arah persimpangan yang terlebih dahulu perlu dilalui, kami berjalan mengikut naluri masing-masing melalui jambatan konkrit ke arah sebuah wakaf rehat yang terletak di bahagian tengah taman.

Disebabkan ketika itu adalah musim hujan, semua kawasan dipenuhi air. Apa yang menarik, pelbagai hidupan marin hutan paya air tawar berenang di celah-celah flora-flora seolah bermain sembunyi-sembunyi dengan kami. Tidak sempat lensa kami untuk merakamnya!



PEMANDANGAN yang dirakam dari atas jambatan gantung.

Pada aras mata, semuanya nampak hijau dengan spesies flora paya darat seperti pokok putat, ara jangkang dan nipah yang tumbuh liar. Apabila mendongak ke atas, selain kebiruan langit ciptaan Tuhan, penulis terpancang sebuah jambatan gantung yang memanggil-manggil kami untuk merentasi ia.

Tanpa membuang masa dan bertanyakan sesiapa yang gayat, penulis memaksa dua rakan sekerja lain mengambil cabaran tersebut.

Walaupun ketinggian jambatan gantung itu tidak dapat menandingi sebagaimana yang terdapat di Sedim, Kedah, cabarannya tetap ada!

Bagi yang gayat, memang terasa, terutama apabila terdapat pengunjung lain yang berada di bahagian depan dan belakang (jambatan)... yang mana momentum pergerakan memberi impak kepada keseluruhan bahagian jambatan dilalui.

Bagaimanapun, sedikit-sebanyak, perasaan takut itu dapat diatasi apabila terdengar teriakan monyet yang tiba-tiba mencelah, juga bunyi-bunyi serangga dan sekali-sekala bunyi pergerakan hidupan marin di bahagian



JAMBATAN gantung yang merupakan tarikan utama Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.



WAKAF rehat di tebing sungai.



POKOK-pokok nipah yang tumbuh liar.

bawah.

Selain keindahan alam, pada ketinggian 210 meter, penulis dapat memerhatikan telatah dan gelagat sekumpulan kanak-kanak yang sedang memancing di sungai berhampiran. Riuh rendah dan amat menghiburkan!

Umumnya, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam adalah meliputi kawasan paya darat seluas kira-kira 11 hektar serta bersempadan dengan dua buah sungai iaitu Sungai Kereh dan Sungai Air Hitam.

Selain jenis flora yang tersenarai, spesies fauna paya darat seperti memerang, monyet, biawak dan pelbagai (spesies) burung juga dapat diperhatikan di dalam kawasan ini.

Sekiranya bernasib baik, pengunjung boleh melihat spesies buaya yang kadang-kadang timbul di sungai berhampiran.

Pada bulan Oktober hingga Jun, taman rekreasi yang berada di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Pulau

Pinang dan tidak mengenakan sebarang bayaran kemasukan menjadi tumpuan para pelancong dari dalam serta luar negara terutamanya dalam kalangan para penggemar burung.

Ini kerana, kawasan tersebut merupakan habitat pelbagai spesies burung dan lokasi persinggahan burung hijrah. Sehingga kini, terdapat lebih daripada 150 spesies burung telah dikenalpasti.

Untuk memudahkan para pengunjung menikmati keindahan panorama alam sambil membuat pemerhatian terhadap spesies-spesies flora dan fauna di sini, kemudahan pelantar pejalan kaki, pondok-pondok rehat, jambatan gantung, pelantar pemandangan, tandas dan dangau turut disediakan.

Ketika ditanya mengenai peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu bahawa MPSP membantu dalam mempromosikan taman rekreasi tersebut sebagai lokasi pelancongan dan sebuah taman pembelajaran botani.

“Pada masa sama, MPSP juga boleh bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri (Pulau Pinang) untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti riadah serta rekreasi dan memupuk kesedaran umum terhadap pentingnya ekosistem hijau di Seberang Perai.

“Pada aspek kerja-kerja penaklakan, ia perlu dirujuk kepada Jabatan Perhutanan bagi tindakan lanjut,” katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara baru-baru ini.

Selapa penerokaan hampir sejam, kami merasakan bahawa banyak aspek yang perlu dipertingkatkan bagi ‘memeriahkan’ Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam terutamanya ke arah menubuhkan ia sebagai taman pembelajaran botani di negeri ini.

Selain kemudahan infrastruktur, aspek paling penting yang perlu diwujudkan adalah tanda nama dan informasi-informasi lebih terperinci mengenai hidupan flora serta fauna sebagai rujukan para pengunjung di sini.



KEMUDAHAN broadwalk yang melebihi 1,000 meter.

Mustafa Kamal mahu tumpu aspek pendidikan & ekonomi komuniti

KINI, beliau bukan lagi Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Beliau diberi taklifan yang lebih penting, sebagai PPK atau Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Air Tawar.

Lain tak bukan Mustafa Kamal Ahmad, 56.

“Program terakhir saya sebagai Ahli Majlis MPSP pada tahun lalu (2015) adalah menganjurkan program kitar semula dengan pelatih-pelatih di Klinik Cure & Care 1Malaysia Bukit Mertajam.

“Bukan mudah MPSP menganjurkan program bersama-sama agensi Persekutuan, tetapi alhamdulillah, kita berjaya bekerjasama dengan AADK (Agensi Anti Dadah Kebangsaan) dan Klinik Cure & Care 1Malaysia Bukit Mertajam.

“Walaupun program itu hanya kitar semula, ia adalah kemahiran yang penting untuk para pelatih di klinik tersebut, supaya tidak terjebak dalam gejala penyalahgunaan dadah,” jelasnya semasa diwawancara oleh wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Beliau mempunyai seorang isteri dan lima cahaya mata.

Pendidikan & Ekonomi

Sebelum menjadi Ahli Majlis, Mustafa Kamal aktif dalam beberapa pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Antaranya, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Warisan Pulau Pinang dan Sahabat Alam Malaysia, serta pernah terlibat dalam Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang.

Selain NGO, beliau turut mengasaskan Koperasi Komuniti Pokok Sena dan masih ditaklifkan sebagai pengerusi koperasi itu sehingga kini.

“Latar belakang sebenar saya dahulu

adalah NGO, serta bergiat menggerakkan pembangunan ekonomi komuniti.

“Sebenarnya, saya juga mempunyai latar belakang sebagai pendidik serta pernah mempunyai institusi pendidikan sendiri, dulu.

“Bukan mudah untuk membuang pandangan serong masyarakat, maka, tidak dapat tidak, mesti bergantung pada kebolehan sendiri untuk mencari rezeki dan memulihkan semula kepercayaan masyarakat.

“Bagi saya, aspek pendidikan dan ekonomi penting, sebab itu, saya menganjurkan program pendidikan (seperti) bagaimana sepanduk terbuang boleh dikitar semula (iaitu) dijahit menjadi beg tangan dan sebagainya, lalu, dijual kepada anak-anak kita di klinik ini.

“Seperti anak-anak yang tersalah guna dadah ini, mereka juga ada alasan tersendiri untuk berubah dan program kemahiran menjahit beg daripada bahan yang boleh dikitar semula boleh membantu mereka,” jelas beliau.

Azam

Seperti orang lain, Mustafa Kamal turut berkongsi azamnya sempena menyambut tahun baru 2016.

“Dulu sebagai Ahli Majlis (MPSP), sekarang PPK, lebih berat tanggungjawabnya, tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan oleh saya sendiri secara peribadi.

“Apapun, aspek pendidikan dan pembangunan ekonomi akan menjadi fokus pada tahun ini (2016),” katanya.

Menurut beliau, rancangan Kerajaan Negeri melalui MPSP baru menandatangani perjanjian persefahan (MOU) untuk bekerjasama dengan ThinkCity Sdn. Bhd bagi meremajakan Butterworth dalam tempoh lima tahun akan datang, sekaligus akan membawa limpahan pembangunan serta projek ekonomi.

MUSTAFA Kamal Ahmad menunjukkan salah satu beg yang dihasilkan daripada sepanduk terpakai.



“Seperti KADUN Teluk Air Tawar berada di antara kawasan pemajuan ‘Program Butterworth Baharu’ di Parlimen Bagan dan beberapa lokasi eko-pelancongan di Kepala Batas, khususnya Penaga.

“Jadi, impak pembangunan di kawasan-kawasan yang akan diremajakan ini, sekaligus akan melimpah ke KADUN Teluk Air Tawar sendiri, jika program pendidikan dan pembangunan ekonomi diteroka dan dibangunkan di sini (Teluk Air Tawar).

“Seperti di Pantai Bersih umpamanya, sudah dikenali sebagai salah satu destinasi pelancongan rekreasi.

“Saya akan memajukan kawasan ini sebagai ‘Gerbang Malam Pantai’, tidak kira sebelah malam atau siang, tempat ini akan ‘dihidupkan’ dan ‘bersih’ dengan pelbagai aktiviti perniagaan.

“Tinggal lagi, bagaimana kita boleh mengayakan lagi potensi ekonomi komuniti setempat, selain menjadikan Pantai Bersih sebagai salah satu ikon destinasi pelancongan menarik serantau yang dikenali di luar Pulau Pinang, mungkin ini perlu saya fokus juga,” ujar Mustafa Kamal.

Program Kampung Hijau

Menurut beliau, MPSP dengan kerjasama Penang Green Council (PGC) telah berjaya mempromosikan polisi hijau, dengan penganjuran Pertandingan Sekolah Hijau dan

sebagainya.

Berbekalkan pada pengalaman dalam MPSP dahulu, Mustafa Kamal berhasrat untuk melebarkan kempen tersebut ke peringkat kampung dan desa di KADUN Teluk Air Tawar juga.

“Saya harap akan ada Program Kampung Hijau di Teluk Air Tawar sendiri kerana di sini masih ada banyak kampung dengan identiti tersendiri.

“Program Kampung Hijau ini boleh dianjurkan, dengan kerjasama jabatan pertanian dan jabatan veterinar, di mana akan ada beberapa kampung akan dijadikan projek perintis untuk program perkebunan dan penternakan secara organik,” ujarnya.

Mengulas lanjut, tambahnya, tidak dapat tidak, polisi Pengasingan Sisa Di Punca akan dilaksanakan di negeri ini juga mulai 1 Jun depan.

Justeru, Mustafa Kamal berharap beliau akan memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan komuniti dalam mengamalkan polisi ‘hijau’ itu.

“Memang perlu program penerangan, program pendidikan mengenai pentingnya amalan mengasingkan sisa pepejal dari punca, dan yang lebih penting adalah amalan ini boleh jana ekonomi komuniti, khususnya JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) di peringkat kampung dan desa,” jelasnya.

Impian

Walaupun KADUN Teluk Air Tawar adalah lapangan baru untuk memberi khidmat dan bakti, Mustafa Kamal memberitahu masih ada beberapa perkara lain yang mahu terus dilakukannya.

“Pertama, saya harap projek perintis sebelum ini mendidik serta meningkatkan kemahiran anak-anak kita yang tersalah guna dadah di Klinik AADK di Bukit Mertajam itu boleh nampak hasilnya.

“Terima kasih kepada AADK khususnya, Pengarah Pusat Kaunseling di sini, Yap Chung Hong.

“Selepas ini, mungkin mahu bekerjasama dengan agensi-agensi Persekutuan yang lain, seperti Jabatan Penjara, Pusat Pemulihan Jenayah Dadah, Pusat Transit Saudara Kita, Sekolah ‘Henry Gurney’ dan sebagainya.

“Bagi saya, golongan yang diuji ini perlu diberikan pendidikan bersifat kemahiran, supaya mereka ada peluang untuk hidup berdikari suatu hari nanti.

“Ini, mungkin perlu kerjasama antara NGO dan Jabatan Penjara dan pengendali pusat transit itu sendiri, supaya kelas menjahit, memasang tinted kereta, pertukangan dan sebagainya.

“Tiap-tiap manusia boleh berubah, sebab itu, di Teluk Air Tawar pun saya masih memberi tumpuan pada kerja-kerja pendidikan bersifat kemahiran ini serta pembangunan ekonomi komuniti,” kata beliau.



MUSTAFA Kamal Ahmad (depan, kanan sekali) saling berinteraksi dengan dua jurulatih projek menghasilkan beg daripada sepanduk dikitar semula pada penganjuran program kitar semula dengan pelatih-pelatih di Klinik Cure & Care 1Malaysia Bukit Mertajam.

City Walk 1.1.16 bukti warga P. Pinang hargai kesihatan

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Lebih 15,000 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat menyertai acara berjalan kaki, *City Walk 1.1.16* sejauh lima kilometer sempena sambutan Hari Bandaraya 2016 di sini baru-baru ini.

Acara diterajui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Kelab Pengembara Pulau Pinang (*Penang Adventurers' Club*, PAC) tersebut antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melakukan aktiviti fizikal.

Hadir menyempurnakan acara pelepasan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil ditemani Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Guan Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa beliau amat teruja dengan kehadiran dan sambutan peserta di luar jangkaan berkaitan.

"Saya gembira melihat penyertaan yang amat



KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (lima dari kanan) dan Patahiyah Ismail (dua dari kanan) bergambar kenangan dengan para peserta pada penganjuran *City Walk 1.1.16* di sini baru-baru ini.

menggalakkan daripada orang ramai.

"Ini menunjukkan warga Pulau Pinang mula menghargai dan mengutamakan kesihatan," katanya yang berbangga dengan sikap positif dan sokongan padu terhadap acara berkenaan menerusi penyertaan yang ramai.

Dalam pada itu, Patahiyah ketika ditemui menyatakan bahawa penganjuran tersebut berjaya mencapai matlamat iaitu untuk memupuk sikap

positif dalam kalangan masyarakat bagi membudayakan aktiviti berjalan kaki sebagai salah satu amalan yang baik, murah dan penting untuk kesihatan.

"Acara ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri yang sihat dengan amalan-amalan gaya hidup aktif dan seimbang," ujarnya sambil menyatakan bahawa penganjuran tahun ini adalah yang keempat.

Kempen Pagi Tanpa Kenderaan bakal disambut secara bertema



ANTARA peserta yang turut serta dalam acara senamrobik sempena Kempen Pagi Tanpa Kenderaan di sini baru-baru ini.

SEBERANG JAYA – Kempen Pagi Tanpa Kenderaan atau *Car Free Morning* anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal disambut secara bertema.

Penganjur bersama, *LV Event* melalui Pengurusannya, Shawn Ng Kian Keong berkata, sempena kehadiran tahun 2016, pihaknya bercadang untuk mengadakan konsep kempen secara bertema mengikut perayaan-perayaan utama negara. "Kempen secara bertema akan dimulakan pada Februari ini dengan sambutan Tahun Baru Cina diikuti perayaan-perayaan lain sepanjang tahun seperti Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas.

"Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3 berdekatan Bandar Sunway di sini dipilih sebagai lokasi kempen bertema ini dan sekiranya mendapat sambutan,

maka kempen ini boleh diperluaskan ke kawasan-kawasan lain sekitar Seberang Perai," katanya ketika ditemui pada penganjuran Kempen Pagi Tanpa Kenderaan di sini baru-baru ini.

Seramai 300 peserta hadir menyertai pelbagai aktiviti termasuk gerai jualan sepanjang berlangsungnya kempen berkaitan.

PELBAGAI acara menarik turut disediakan untuk golongan kanak-kanak.



Cadang pasang lampu isyarat elak kemalangan – ahli majlis

TANJUNG BUNGAH

– Khuatir dengan keselamatan para pengguna jalan raya di persimpangan empat Masjid Terapung Tanjung Bungah di sini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal mendapatkan kerjasama serta pandangan Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung cadangan pemasangan lampu isyarat di kawasan berkaitan.

Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit ketika

meninjau keadaan lalulintas di kawasan tersebut berkata, langkah tersebut dilihat dapat membantu mengelakkan kemalangan yang didakwa kerap berlaku terutamanya pada waktu puncak.

"Dalam tempoh dua tahun setengah, terdapat lebih 10 kemalangan dilaporkan di kawasan ini dan yang terbaru adalah pada Disember tahun lalu yang mana ia (kemalangan) telah meragut nyawa seorang penunggang motosikal berusia 22 tahun.

"Memandangkan jalan ini adalah di bawah bidang kuasa JKR, maka kita (MBPP) akan meminta pandangan dan kerjasama mereka bagi menangani isu berbangkit ini," katanya pada sidang media di lokasi berkaitan di sini baru-baru



LALUAN persimpangan empat di hadapan Masjid Terapung Tanjung Bungah di sini.

ini.

Hadir sama, Pengerusi Masjid Terapung Tanjung Bungah, Roslan Abu Bakar dan Naib Pengerusinya, Ahmad Fazel Shamsudin.

Menurut Roslan, masjid tersebut merupakan salah satu tarikan pelancong dan mempunyai purata kira-kira 300 pengunjung setiap hari.

"Diharap pihak berwajib dapat memasang lampu isyarat di sini dengan secepat mungkin demi keselamatan orang ramai.

"Selain itu, adalah diharapkan supaya tanda isyarat lalulintas seperti pusingan balik, lintasan pejalan kaki, peringatan had laju, zon kemalangan dan jalur memperlakan kenderaan di persimpangan juga akan dilaksanakan," ujar beliau.

PENANG HOT AIR BALLOON FIESTA 2016



9 & 10 FEBRUARI • PADANG POLO PULAU PINANG



Untuk maklumat lanjut

www.penanghotairballoonfiesta.com

info@penanghotairballoonfiesta.com #mypenanghotairballoon

Disokong oleh



Penaja

IJM LAND

Dianjurkan oleh



Penaja kenderaan

C.A.M
CONSERVE 1 ACTIVE 1 MOVE

Dianjurkan bersama

TLM

Partner

MYTEKSI

Stesen Radio Rasmi



Dengan kerjasama

TOURISM MALAYSIA Malaysia Truly Asia

Naiktaraf gelanggang demi martabat sukan sepak takraw

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN-WEI**

AIR ITAM – Demi memartabatkan sukan sepak takraw, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu mengambil inisiatif khas menganjurkan Pertandingan Sepak Takraw Terbuka (Tertutup) Piala Pusingan Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Air Itam) di sini baru-baru ini.

Pengerusi jawatankuasa pertandingan, Khir Johari Mohd. Nasib berkata, sebanyak 32 pasukan berentap pada penganjuran sulung berkaitan.

“Sekiranya gelanggang sedia ada dapat dinaiktaraf, saya dan barisan penganjur bercadang perluaskan pertandingan ini kepada Terbuka Malaysia sekiranya berpeluang.

“Malah, serentak itu, kami akan menghantar surat kepada Kerajaan

Negeri bagi membolehkan pihak terbabit mempertimbangkan untuk menyenaraikan kejohanan ini di dalam kalendar sukan negeri atau dipertandingkan pada peringkat penganjuran Pesta Pulau Pinang 2016,” katanya ketika ditemui pada Pertandingan Sepak Takraw Terbuka (Tertutup) Piala Pusingan Wong Hon Wai di sini baru-baru ini.

Wong Hon Wai hadir menyempurnakan majlis perasmian dan penutup kejohanan berkaitan.

Dalam pada itu, menurut Hon Wai, dalam memartabatkan sukan sepak takraw, sebanyak RM30,000 diperuntukan pihaknya bagi tujuan penaiktarafan gelanggang di sini.

“Inisiatif ini sedikit sebanyak membolehkan golongan muda-mudi di sekitar Kampung Melayu memaksimumkan penggunaan ia termasuk pada waktu malam,” ujarinya sambil menyatakan bahawa kerja-kerja menaiktaraf siap sepenuhnya pada November tahun lalu.

Pada kejohanan tersebut, pasukan PDRM B muncul juara menewaskan pasukan Kampung Melayu B dengan kiraan 21-16, 19-21 dan 15-9.

Tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Jelutong Pantai B dan Kampung Melayu D (keempat).

WONG Hon Wai
menunjukkan
menimbang bola takraw.



WONG Hon Wai (berdiri, empat dari kanan) dan barisan penganjur bergambar kenangan dengan pasukan PDRM B yang muncul juara pada Pertandingan Sepak Takraw Terbuka (Tertutup) Piala Pusingan Wong Hon Wai di sini baru-baru ini.



TEH Lai Heng (dua dari kanan) menunjukkan gambar lokasi sebelum kerja-kerja penaiktarafan dijalankan pada sidang media selepas sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Gelanggang 5 fungsi kemudahan sukan siap dinaiktaraf

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng memperuntukkan RM35,000 bagi tujuan membaikpulih dan menaiktaraf gelanggang serbaguna di Sekolah Kebangsaan (SK) Tan Sri P. Ramlee di sini baru-baru ini.

Lai Heng ketika mengadakan lawatan tapak berkaitan berkata, gelanggang serbaguna berkeluasan 24 meter x 12.26 meter tersebut bakal dilengkapi dengan lima fungsi kemudahan iaitu untuk sukan sepak takraw, badminton, bola tampar, bola keranjang

dan bola jaring.

“Projek membabitkan tempoh masa lima minggu tersebut telah siap sepenuhnya pada 20 Disember tahun lalu.

“Diharap para pelajar akan memanfaatkan kemudahan ini dengan aktiviti sukan dan latihan dari semasa ke semasa,” katanya pada lawatan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Pegawai Daerah Timur Laut, Nor Emyzura Ahmad Tarmizi, Pengetua SK Tan Sri P. Ramlee, Normala Mohd. Nor dan Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Hasan Said.



RUPA bentuk gelanggang serbaguna SK Tan Sri P. Ramlee yang telah siap dinaiktaraf.



TEH Yee Cheu (berdiri, empat dari kanan) merakam gambar bersama-sama sebahagian peserta Pertandingan Penang Fingerstyle Guitar Competition 2015 di sini baru-baru ini.

Pertandingan Penang Fingerstyle Guitar galak minat belia dalam muzik

TANJUNG BUNGAH – Penganjuran tahun kedua Pertandingan Penang Fingerstyle Guitar Competition 2015 di sini baru-baru ini berjaya menampilkan hampir 30 peserta daripada pelbagai latar belakang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu berkata, penganjuran tersebut masih mengekalkan matlamat sama iaitu menyediakan ruang serta peluang kepada para pemuzik dalam kalangan anak-anak muda menyerlahkan bakat masing-masing.

“Ini adalah salah satu cara bagi menggalakkan minat dan cinta golongan

belia terhadap muzik yang mana mereka memperoleh peluang lebih luas, variasi serta platform untuk menunjukkan bakat masing-masing,” katanya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Pada pertandingan berkaitan, setiap peserta dikehendaki mendendangkan alunan petikan gitar secara *fingerstyle* iaitu satu teknik yang mana gitaris bermain bass, *chord* dan melodi secara serentak.

Pertandingan tersebut diadili tiga juri hakim yang juga merupakan gitaris terkenal iaitu Sheikh Hady Basmeih atau lebih dikenali sebagai Afro Hady, George Boesger Sr. dan Leon Thum.

Mural bongkar sejarah Nibong Tebal, rancak sektor pelancongan

Gambar: **ADUN**

NIBONG TEBAL –

Seramai 29 pelajar dari sekolah sekitar sini berjaya menyiapkan dua lukisan mural di Taman Seri Bayu dengan bertemakan sejarah Nibong Tebal sebagai tapak perdagangan sejak 1830.

Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, lukisan mural hasil pimpinan dua guru iaitu Chong Kong Fook dan Tneh Sok Tuan tersebut bukan hanya membantu para pelajar



RUPA bentuk mural di Taman Seri Bayu.

mengembangkan bakat masing-masing.

“Sebaliknya, lukisan yang menggambarkan aktiviti perdagangan di Sungai Kerian pada tahun 1830 itu secara tidak langsung dapat mempromosikan Nibong Tebal sebagai salah



SOON Lip Chee (barisan belakang, tujuh dari kanan) dan Danny Law Heng Kiang (barisan belakang, lapan dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama kumpulan guru dan pelajar yang menjayakan lukisan mural di sini baru-baru ini.

satu lokasi pelancongan negeri.

“Malah, pada masa sama, generasi muda juga dapat mengetahui serta mendalami sejarah Parlimen Nibong Tebal,” katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang.

Pada majlis berkaitan, Lip Chee turut menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Kong Fook, Sok Tuan dan 29 pelajar berkenaan.

Dalam pada itu, Heng Kiang memberitahu bahawa Nibong Tebal mempunyai potensi untuk menarik pelancong tempatan dan luar negara kerana ia bukan sahaja mempunyai bangunan

bersejarah, malah juga lokasi pelancongan yang menarik seperti meninjau habitat kelip-kelip, sajian makanan laut dan lain-lain.

“Sebagai tindakan lanjut, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Sime Darby Property (Utara) Sdn. Bhd. bagi membangunkan kawasan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berteknologi tinggi di Byram dan Changkat di sini.

“Secara tidak langsung, kehadiran para pelabur akan menarik pelancong ke sini dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi serta industri pelancongan setempat,” jelasnya yang juga ADUN Batu Lanchang.

8 penghuni PSCH terima sumbangan kelengkapan sekolah

PULAU TIKUS –

Seramai lapan penghuni terpilih dari *Penang Shan Children's Home* (PSCH) menerima sumbangan berupa baucar pakaian seragam dan kelengkapan persekolahan bagi memulakan sesi baharu 2016 di sini baru-baru ini.

Menurut Pengetua PSCH, R. Krishnan,

sumbangan yang disampaikan sedikit sebanyak membantu meringankan perbelanjaan pihak pengurusan PSCH yang mempunyai 22 penghuni berusia antara tujuh hingga 16 tahun.

“Tahun ini, pihak pengurusan amat berbesar hati apabila ada pihak tampil menaja lapan penghuni baru di sini.

“Terima kasih atas sumbangan dan



LAPAN penghuni PSCH terpilih melompat kegembiraan selepas menerima sumbangan baucar pakaian seragam dan kelengkapan persekolahan sesi 2016 di sini baru-baru ini.

keprihatinan semua pihak,” katanya ringkas pada majlis penyampaian sumbangan di rumah kebajikan tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan berkaitan, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan Chris Lee Chun Kit, beberapa wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mount Erskine dan jawatankuasa PSCH.

Menurut Zairil, beliau berharap semua penghuni PSCH bersemangat memulakan sesi persekolahan baharu dan seterusnya berusaha mencapai kejayaan yang cemerlang.

Konsultan Program Pendidikan Antarabangsa, Venlaak International Academia (Venlaak), Dr. Praba Karan selaku penaja sumbangan turut sama memeriahkan majlis berkaitan.



ZAIRIL Khir Johari (tengah) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.



WONG Hon Wai (tengah, berkemeja putih) dan Abdul Halim Hussain (lima dari kiri) bergambar kenangan dengan sebahagian penerima sumbangan Program Kembali Ke Sekolah di sini baru-baru ini.

100 pelajar terima sumbangan Program Kembali Ke Sekolah

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

AIR ITAM – Seramai 100 pelajar sekolah sekitar Kampung Melayu di sini menerima sumbangan bantuan persekolahan berupa pakaian, beg sekolah dan kasut untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, sumbangan berkaitan adalah diperlukan bagi memberi galakan dan semangat kepada para pelajar untuk belajar dengan lebih tekun.

“Ketekunan mampu membawa pelajar-pelajar ini ke tahap pendidikan lebih tinggi

demi masa depan yang cerah. Malah, melalui pendidikan juga, para pelajar mampu mengubah taraf hidup keluarga masing-masing sekiranya berjaya di masa hadapan,” ucapnyanya pada pengumuman Program Kembali Ke Sekolah di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Dato’ Abdul Halim Hussain.

Program tersebut merupakan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu dan turut memperoleh peruntukan sumbangan dari Zakat Pulau Pinang (ZPP).

SILA JIMATKAN AIR DI RUMAH

1. Jangan biarkan air mengalir dari pili air.
2. Didik anak-anak cara menutup pili air dengan betul.
3. Baik dengan segera semua kebocoran pili, paip dan sistem tandas.
4. Elakkan penggunaan hos kerana penggunaan hos sering membazirkan air.
5. Kurangkan kekerapan mencuci kereta atau motosikal. Jika anda perlu mencuci, gunakan air baldi dan span ataupun kain basah.
6. Siram tumbuhan anda dengan penyiram dan siram di akar dan bukan di daun.
7. Gunakan mop untuk mencuci lantai. Elakkan mencurah air ataupun penggunaan hos.
8. Gunakan penyapu untuk membersihkan anjung rumah. Elakkan pencurahan air ataupun penggunaan hos.
9. Jangan biarkan air mengalir ketika memberus gigi. Buka pili hanya apabila membilas.
10. Jangan biarkan air mengalir semasa menyabun tangan. Buka pili hanya apabila membilas.
11. Jangan biarkan air mengalir semasa menyabun badan. Buka pili hanya apabila membilas.
12. Mandi secara lebih pantas.
13. Penuhkan dan tutup lubang sinki ketika mencuci/membilas makanan, pinggan-mangkuk dan kutleri.
14. Pasangkan sistem tandas "dwi-bilas". Biasanya, simbahlah setengah tangki sudah memadai.
15. Gunakan mesin pencuci hanya dengan muatan basuhan penuh.
16. Jangan biarkan air mengalir semasa membasuh pakaian.
17. Jangan buang sampah ke dalam mangkuk tandas. Gunakan tong sampah.
18. Hubungi talian 04 509 6 509 dengan segera untuk melaporkan sebarang kebocoran sesalur atau paip di tepi jalan. Pusat Panggilan PBAPP beroperasi 24 jam sehari.



© PBA/PP April 2015. All rights reserved.



Level 32 & 33, KOMTAR, Jalan Penang, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.
Pusat Panggilan (24 jam): 04-509 6 509
Email: customer@pba.com.my Laman web: www.pba.com.my

KENAPA JIMAT AIR?



PENINGKATAN POPULASI

Saban tahun, peningkatan jumlah penduduk di Pulau Pinang memerlukan lebih banyak air.

Kita perlu mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk setiap orang.



PERUBAHAN IKLIM

Perubahan iklim global sedang berlaku.

Pulau Pinang perlu elak catutan air dengan apa cara sekalipun.



KEMAJUAN EKONOMI

Saban hari, semua perniagaan yang membawa kepada peluang pekerjaan di Pulau Pinang memerlukan bekalan air.

Jika tiada air, kemajuan turut akan terbantut.

KENAPA JIMAT AIR?



MENGEKALKAN TARIF AIR YANG MUNASABAH

Dengan menggunakan air dengan bijak, Pulau Pinang akan mengoptimalkan infrastruktur bekalan air sedia ada.

Kita akan mampu melewatkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit projek bekalan air yang akan memberi impak kepada tarif.



LENGAHKAN MASA UNTUK SUMBER AIR ALTERNATIF

Gunakan air dengan bijak agar memberi masa kepada Pulau Pinang untuk melaksanakan projek sumber bekalan air mentah pada masa hadapan, seperti skim pemindahan air mentah di antara negeri, penapaian air hujan, kitar semula air atau desalinasi (penyahgaraman).



RM0.32 Setiap 1,000L*

Tarif Domestik di Pulau Pinang Adalah Yang Paling "Mesra-Rakyat" di Malaysia.

Tiada bil yang lebih rendah untuk penggunaan seisi rumah "35,000 liter air yang pertama setiap bulan. Gunakan air dengan bijak dan anda akan terus menikmati tarif air yang paling "mesra-rakyat" di Malaysia.

7 daripada 10 Isi Rumah*

Di Pulau Pinang, guna < 35,000 liter air setiap bulan.

75.3% daripada isi rumah di Pulau Pinang menggunakan kurang daripada 35,000 liter air sebulan. Mereka menikmati tarif air yang paling "mesra-rakyat" di Malaysia. Selebihnya, 24.7% lagi boleh memilih untuk mengurangkan penggunaan dan mengurangkan bayaran bekalan air.

Matlamat Pulau Pinang

26 I/k/h

Pada tahun 2014, purata penggunaan per kapita domestik di Pulau Pinang adalah 293 liter/kapita/hari (l/k/h). Ini adalah yang tertinggi di Malaysia.

Matlamat kami ialah untuk mengurangkannya kepada 260 l/k/h secepat mungkin. Berdasarkan statistik tahun 2014, pengurangan 33 l/k/h ini akan membawa kepada pengurangan sebanyak 6.6% bagi penggunaan air keseluruhan atau 54 MLD.

260 l/k/h bukanlah satu matlamat yang sukar atau mustahil untuk dicapai. Purata kebangsaan adalah 210 l/k/h pada tahun 2013. Singapura berjaya mencapai 150 l/k/h pada tahun 2014.

14 tahun lalu, iaitu dalam tahun 2001, penggunaan domestik di Pulau Pinang adalah 262 l/k/h.

STATISTIK UTAMA BEKALAN AIR PULAU PINANG 2014

1. Kawasan	1,048.0 km persegi
2. Kawasan tadahan	62.9 km persegi
3. Populasi (anggaran)	1.635 juta
4. Penggunaan Per Kapita Domestik	293 l/k/h
5. Penggunaan air	
• Domestik	484,118
• Perniagaan	77,693
• Jumlah	561,811
6. Liputan bekalan	
• Bandar	100.0%
• Luar Bandar	99.7%
7. Purata Tempoh Bekalan	24 jam
8. Panjang Paip Keseluruhan	4,294 km
9. Loji Rawatan	9
10. Empangan Utama	3
11. Purata Pengeluaran Sehari	995 MLD
12. Purata Penggunaan Sehari	813 MLD
13. Peratusan Air Tak Berhasil (NRW) Purata Kebangsaan	18.25% 36.6%
14. Kualiti Air	pematuhan kepada Piawaran Kebangsaan untuk Air Minuman
15. Pusat Khidmat Pelanggan	9



"Untuk wanita berumur 35 ke atas"

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda



1 dalam setiap **20** wanita di Malaysia

mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka

ini bersamaan

dengan **700,000** orang!

JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016

	Sabtu	Pulau Pinang	Seberang Perai	Ahad	Pulau Pinang	Seberang Perai
Jan	9	Teluk Bahang	Penaga	10	Sungai Pinang	Sungai Puyu
	16	Tanjong Bungah	Seberang Jaya	17	Pantai Jerjak	Penanti
	23	Padang Kota	Bukit Tambun	24	Batu Maung	Perai
	30	Air Putih	Bagan Jermal	31	Seri Delima	Sungai Bakap
Feb	6			7		
	13			14		
	20	Dato Keramat	Bertam	21	Pulau Betong	Berapit
	27	Batu Lanchang	Pmtg Pasir	28	Pengkalan Kota	Padang Lalang
Mar	5	Kebun Bunga	Bukit Tengah	6	Pulau Tikus	Jawi
	12	Batu Uban	Machang Bubok	13	Bayan Lepas	Pinang Tunggal
	19	Paya Terubong	Sungai Acheh	20	Komtar	Pmtg Berangan
	26	Bagan Dalam	Sg Dua	27	Air Itam	Telok Air Tawar
Apr	2	Sungai Pinang	Sungai Puyu	3	Teluk Bahang	Penaga
	9	Pantai Jerjak	Penanti	10	Tanjong Bungah	Seberang Jaya
	16	Batu Maung	Perai	17	Padang Kota	Bukit Tambun
	23	Seri Delima	Sungai Bakap	24	Air Putih	Bagan Jermal
	30	Pulau Betong	Berapit	1	Labour Day	
Mei	7	Pengkalan Kota	Padang Lalang	8	Dato Keramat	Bertam
	14	Pulau Tikus	Jawi	15	Batu Lanchang	Pmtg Pasir
	21	Wesak Day		22	Kebun Bunga	Bukit Tengah
	28	Bayan Lepas	Pinang Tunggal	29	Batu Uban	Machang Bubok